

24 MAY 1996

Mahathir-Pelajar

MAHATHIR SARAN PELAJAR BRITAIN LANJUTKAN PELAJARAN DI MALAYSIA

Oleh: Wan A Hulaimi

LONDON, 24 Mei (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini menyarankan agar pelajar dari Britain, Kanada, Australia dan New Zealand melanjutkan pelajaran di Malaysia dan negara Komanwel lain di Asia supaya dapat mengenali Komanwel dengan lebih baik.

Dr Mahathir memberitahu persidangan berita bahawa beliau mencadangkan perkara itu semasa mengadakan perbincangan dengan Perdana Menteri Britain John Major di sini.

Major berpendapat ia satu cadangan baik, kata Dr Mahathir.

"Selama ini pelajar kita yang pergi ke Britain, Kanada, Australia dan New Zealand untuk belajar. Ini laluan sehalu. Memandangkan sekarang kita mempunyai universiti sendiri dan diiktirafkan berupaya mengeluarkan ijazah yang sama tarafnya dengan negara-negara berkenaan, jadi sudah sampai masanya bagi pelajar mereka datang dan belajar di universiti negara Komanwel di Asia supaya dengan berbuat demikian mereka akan dapat mengenali Komanwel dengan lebih baik," kata Dr Mahathir.

Semasa perbincangan di kediaman Perdana Menteri Britain, No 10 Downing Street itu, mereka juga berbincang mengenai agenda untuk Mesyuarat Ketua-ketua Kerajaan Komanwel tahun depan di London.

Dr Mahathir berkata hubungan antara Malaysia dengan Britain adalah baik.

Mengenai jumlah pelajar di luar negara, beliau berkata di Britain sahaja kini terdapat lebih 10,000 pelajar dan adalah menjadi dasar kerajaan Malaysia untuk mengurangkan jumlah itu dan menjadikan kos latihan bagi pelajarnya lebih rendah.

"Kalau dulu kita ingin meluaskan pandangan penuntut kita di luar negara, sekarang kita dapati ini tidak berlaku lagi. Kita dapati penuntut kita tidak bercakap dengan orang tempatan, malah dengan penuntut Malaysia yang lain. Mereka hanya bergaul dalam kelompok sendiri mengikut negeri asal mereka," katanya.

Dr Mahathir juga menyatakan kebimbangan mengenai kelemahan pelajar Malaysia untuk bertutur dalam bahasa Inggeris.

"Ini kerana mereka gunakan bahasa Inggeris semata-mata sebagai alat untuk belajar, bukan dalam perbualan harian," katanya.

Beliau berkata dasar kerajaannya sekarang ialah untuk beralih kepada program kembar dengan universiti-universiti Britain "agar pelajar kita boleh melanjutkan pelajaran tahun satu atau hingga tahun akhir pun di Malaysia sendiri."

Selepas pertemuan beliau dengan Major hari ini Dr Mahathir belayar di Sungai Thames dengan Setiausaha Pertahanan Michael Portillo dan melawat kawasan pembangunan Docklands di East London.

Dr Mahathir juga berkata beliau berminat untuk mengetahui lebih lanjut tentang undang-undang Inggeris mengenai pengambilalihan tanah yang boleh digunakan sebagai model untuk menjadikan undang-undang Malaysia lebih sesuai bagi keperluan pembangunan.

Pada hari pertama lawatan dua hari beliau ke Britain, Dr Mahathir melawat Pusat Penyelidikan Satelit di Universiti Surrey di Guildford dekat sini.

Dalam perbincangan beliau dengan wakil-wakil pelajar Surrey dan sekali lagi pada persidangan berita itu Dr Mahathir menegaskan tentang perlunya Malaysia mengorak langkah dalam bidang teknologi komunikasi.

Pusat Penyelidikan Satelit Universiti Surrey menerusi badan komersilnya

Surrey Satellite Technology Limited (SSTL) ialah satu daripada pihak yang membuat tawaran untuk melaksanakan program satelit Malaysia, yang merancang melancarkan sebuah satelit di orbit pada 1997.

Dr Mahathir berkata jurutera Malaysia boleh menimba lebih banyak pengetahuan dalam teknologi satelit di Surrey.

Mengenai perbincangan beliau dengan Tony Blair, pemimpin Parti Buruh, parti pembangkang Britain, Dr Mahathir berkata perjumpaan itu memberi peluang kepada mereka untuk saling mengenali antara satu sama lain.

Beliau berkata Blair mengemukakan banyak soalan mengenai Malaysia dan berminat terhadap perniagaan Britain di sana. -- BERNAMA

WH CR NMO